

20/11/2001

Pentingnya pokok kepada manusia

Nor Afzan Mohamad Yusof

PROGRAM penanaman pokok dengan sasaran sebanyak tiga juta pokok menjelang 2000 dan 20 juta menjelang 2020 adalah sebahagian usaha Malaysia menambah kawasan hijau sedia ada.

Langkah ini juga sejajar persetujuan Malaysia mengekalkan 50 peratus keluasan negara sebagai kawasan hutan atau kawasan hijau mengikut Agenda 21 Persidangan Kemuncak Dunia di Rio de Janeiro.

Malaysia tidak pernah berdolak dalik dalam usaha menyeimbangi antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini kerana walaupun negara ini dalam kategori negara maju, kira-kira 75 peratus muka buminya masih dilitupi hutan, tanaman pertanian dan taman yang kaya dengan sumber kepelbagaian biologi yang, merangkumi 185,000 spesies fauna dan 12,500 flora.

Kepelbagaian ini menyebabkan Malaysia diiktiraf antara 12 kawasan mega yang kaya dengan kepelbagaian biologi di dunia.

Kepentingan kawasan hijau memang tidak dapat dinafikan kerana walaupun pembangunan itu perlu, kita tidak boleh mengabaikan sumber oksigen dan penyeimbang cuaca sekeliling itu.

Dalam merealisasikan usaha berkenaan, Malaysia mensasarkan wawasan mencapai status Negara Dalam Taman menjelang tahun 2005.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Heing Ding, berkata berpandukan usaha pengekalan kawasan hijau, bererti kawasan hutan sedia ada perlu diuruskan secara berkekalan dan berterusan.

Pada masa sama, pertumbuhan dan penambahan pokok di kawasan lapang dan bandar perlu dilakukan.

Dalam usaha berkenaan, bandar juga akan ditanam dengan pokok, namun pemilihan spesies pokok yang hendak ditanam perlu diberi perhatian sewajarnya.

Disebabkan ramai manusia yang tidak mahu `susah' dalam penjagaan pokok, beberapa faktor perlu diberi perhatian sebelum menanam sebarang kategori pokok.

Adnan Mohamad dalam buku Perhutanan dan Alam Sekitar, berkata salah satu fungsi pokok yang penting di bandar ialah meredakan keadaan panas keterlaluan. Katanya, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kawasan yang ditanami beberapa batang pokok, khususnya di taman kecil di Kuala Lumpur, mempunyai suhu persekitaran antara dua hingga lima darjah lebih rendah berbanding kawasan tidak berpokok.

"Keadaan seperti ini sudah tentunya memberi sedikit keselesaan kepada pejalan kaki di bandar," katanya.

Oleh kerana masyarakat bandar hari ini semakin tertekan dengan gaya hidup moden yang semakin canggih, dapat mengurangi ketegangan atau tekanan sekiranya mereka dapat memperbaharui semula perhubungan alam semula jadi dengan cara berekreasi.

Adnan berkata, walaupun usaha menanam pokok berjaya menghidu dan menghidu semula kawasan bandar, namun usaha menanam dan menguruskan kawasan ini tidak dijalankan tanpa perancangan yang berkesan.

"Pengindahan bandar tidak seharusnya menekankan kepada usaha menanam saja tetapi penyelenggaraan dan pengurusan kawasan hijau terbaik agar ia dapat memberi faedah sepatutnya," katanya.

Sementara itu Infoplant terbitan Institut Penyelidikan Perhutanan Negara (Frim) menyatakan kerap semasa proses pemilihan pokok, perkara utama yang ditekankan adalah keindahan, diikuti saiz, penyenggaraan dan keperluan

persekitaran. Pada pemilihan ini, jenis pokok yang sedikit penyelenggaraan sering diketepikan.

"Oleh kerana persekitaran juga berkaitan penyelenggaraan, faktor ini seharusnya ditekankan terlebih dulu. Faktor persekitaran yang utama adalah kawasan penanaman yang merangkumi jenis tanah, topografi, iklim mikro, pencemaran dan kewujudan hidupan lain.

"Mengenali tapak penanaman, bukan saja memudahkan kerja penanaman, malah dapat menentukan jenis pokok yang sesuai ditanam.

"Perkara kedua yang perlu ditekankan ialah saiz pokok. Saiz pokok tidak hanya merujuk kepada apa yang dapat dilihat di atas tanah tetapi juga membabitkan akar pokok.

"Oleh itu kawasan penanaman dan jenis tanah yang sesuai amat penting bagi memastikan sistem akar pokok dapat berkembang dengan baik," katanya.

Selain mengkaji ciri positif, perkara yang harus diteliti sama ada ia menggugurkan daun yang banyak pada masa-masa tertentu, mengeluarkan buah yang besar atau kadar tumbesarnya terlalu cepat.

"Secara tidak langsung perkara ini dapat membantu pemilihan kawasan dan penyenggaraan yang betul. Selain itu, pemilihan pokok harus berasaskan pengetahuan mengenai pengawalan penyakit dan perosak, sistem pengairan dan pembajaan," katanya.

Kerana manfaat yang pelbagai, kempen penanaman pokok amat wajar diberi perhatian yang menyeluruh oleh kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan orang awam seiring dengan Negara dalam Taman menjelang 2005.

Justeru Sempena Hari Habitat Sedunia 2000 Oktober tahun lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai rakyat Malaysia menayakan usaha menanam 100,000 Pokok Alaf Baru 2000 di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Kejayaan ini sekali gus membuktikan Malaysia benar-benar serius dalam pengekalan kawasan hijau.

Dalam tempoh seminit 100,000 pokok daripada 30 spesies ditanam serentak di seluruh negara sempena Hari Habitat Sedunia 2000.

Kejayaan itu mengatasi rekod Guinness Book of Records yang dicipta di Brazil iaitu menanam 24,199 pokok dalam tempoh seminggu di Sao Paulo pada April 1996.

Kegiatan yang dikelolakan satu kumpulan yang dipanggil Tree Planting Group (TPG) dianggotai Persatuan Pencinta Alam (MNS), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia (Peps), Kelab Lions Malaysia dan Pertubuhan Hartanah Antarabangsa Malaysia.

Namun pemilihan pokok yang betul dan tidak membebankan individu dapat menggalakkan orang ramai menanam pokok.

Dalam konteks Malaysia yang beriklim tropika, fungsi pokok dalam menstabilkan keadaan alam sekitar perlu diketahui. Pokok sebenarnya berfungsi secara biogeografi sekurang-kurangnya seperti membantu mengurangkan hakisan tanah.

Dengan adanya hujan tropika yang lebat seperti di Malaysia, pokok dapat membantu mengurangkan kesan timpaan hujan ke atas tanah. Pengurangan ini dapat pula mengurangkan intensi hakisan yang akhirnya dapat mengurangkan masalah pencemaran air sungai.

Walaupun peratus karbon dioksida dalam udara adalah kecil iaitu 0.03 peratus tetapi ia mempunyai peranan besar dalam meningkatkan suhu dunia.

Peningkatan karbon dioksida dalam atmosfera berpunca daripada peningkatan pelepasan karbon sejak beberapa dekad yang lalu. Pada 1980, pelepasan karbon adalah melebihi 6.6 bilion tan, sementara pada 1989 ia melebihi 7.7 bilion tan.

Berdasarkan kajian, serumpun pokok dapat menurunkan suhu di kawasan

sekitarnya sehingga 10 darjah selsius.

Pokok mempunyai nilai sentimen tersendiri bukan saja kepada manusia, malah haiwan memerlukannya sebagai tempat teduh dan sumber makanan.

Berdasarkan kajian yang dibuat di luar negara, penanaman sejumlah 500,000 pokok boleh menyerap 6,500 tan metrik habuk atau satu tan metrik habuk bagi setiap 77 pokok.

Malah satu hektar kawasan yang ditanam dengan pokok menyerap 900 kilogram karbon dioksida dan mengeluarkan 600 kilogram oksigen. Hasil kajian lain juga menunjukkan kawasan seluas 40 meter persegi yang ditanam dengan pokok rendah dapat mengeluarkan cukup oksigen untuk pernafasan seseorang.

Jabatan Perhutanan menerusi pelbagai kempen anjurannya bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pokok, antaranya menggalakkan kempen menanam pokok dan usaha mewujudkan bandar dalam taman dan program pokok angkat yang mana individu boleh mengambil inisiatif daripada Frim dengan membeli anak pokok dan menanam spesies pohon hutan di pekarangan rumah.

Justeru, pelbagai pihak menyambut baik janji Malaysia dalam Agenda 21 berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hijau negara. Namun sejauh mana usaha itu akan berjaya, ia bergantung kepada kesungguhan semua pihak termasuk rakyat.